

BH 23/4/15
MIS V 13

Bahana media sosial

'Evil eye' atau dalam bahasa Arab disebut sebagai al-'ain bermaksud mata yang melihat dengan perasaan hasad dan menyebabkan mudarat kepada orang yang dilihat. Tidak ramai dalam kalangan masyarakat kita yang tahu mengenai kebenaran al-'ain, sedangkan di dalam al-Quran dan hadis Rasulullah SAW sendiri ada menyebut mengenai hal itu.

Kisah Nabi Yaakub AS dan 12 anak lelakinya wajar dijadikan pedoman. Nabi Yaakub AS melarang anak-anaknya daripada memasuki pintu yang sama untuk mengambil makanan kerana dikuatirai menerbitkan perasaan takjub, sekali gus membuahkan rasa hasad dalam kalangan orang yang melihat mereka yang masih muda remaja dan kacak rupa paras.

Nabi Yusuf AS juga pernah menceritakan mimpinya kepada bapanya Nabi Yaakub AS lalu dipesan oleh Nabi Yaakub a.s supaya tidak menceritakan mimpinya kepada adik beradiknya yang lain untuk mengelakkan rasa iri hati. Orang yang paling baik sekalipun sukar melepaskan diri daripada disinggahi penyakit iri hati.

Dewasa ini, umat manusia semakin mudah mendedahkan diri kepada bahaya al-'ain. Tidak lain dan tidak bukan, disebabkan kemunculan media sosial yang dirintis oleh Facebook.

Kewujudan Facebook pada awal 2004 menjadi



titik mula perubahan besar dalam kehidupan bermasyarakat. Seluruh landskap sosial seantero dunia berubah dan kebanyakannya menerima pembaharuan ini dengan tangan terbuka.

Tempat ke-18

Malaysia menduduki tempat ke-18 dalam senarai pengguna laman sosial itu paling ramai di dunia, malah, 75.5 peratus daripada laman web yang dilawati di negara ini ialah laman Facebook.

Sejurus selepas kehadiran Facebook, pelbagai media sosial yang sedia ada mulai melonkan naik. Facebook bagiakan menjadi pembuka

mata kepada pengguna terhadap senarai media sosial seperti Twitter, Instagram, Pinterest, LinkedIn dan Flickr.

Perkembangan ini semakin hari semakin tidak terkawal sehingga menyebabkan beberapa negara seperti China, Mesir, Pakistan dan Kashmir mengambil tindakan untuk meng-haramkan penggunaan Facebook di negara mereka.

Sementara itu, di negara ini, rakyat kita terus seronok dan hanyut dibuai keasyikan bersosial di alam maya. Malangnya, setiap perkara sama ada baik atau buruk, jika diguna atau diambil secara berlebihan pasti akan mengundang mudarat. Begitu juga halnya dengan penggunaan Facebook.

Setiap waktu dan ketika, tidak mengira keadaan dan di mana, ramai dalam kalangan kita menggunakan laman sosial itu untuk berkongsi apa sahaja mengenai diri mereka, sehingga wujud istilah baru seperti *selfie* dan *wefie*.

Gambar peribadi, status berunsur emosi dan luahan perasaan dikongsi secara terbuka dengan orang ramai yang mempunyai akses terhadap profil mereka.

Golongan pedofilia

The Huffington Post melaporkan pada April 2014, seorang gadis yang memandu kereta maut dalam kemalangan beberapa saat selepas dia mengemas kini status dan memuat naik gambar *selfie* di Facebook.

Malah, ketaksuban ibu bapa memuat naik gambar anak kecil mereka yang comel dan

manja juga menjemput bahaya kepada diri anak masing-masing.

CBN News melaporkan kes sepasang suami isteri, April Miller dan suaminya, yang memuat naik ratusan gambar anak lelaki mereka di Photobucket tidak menjangka gambar berkenaan disebarkan di laman web Pedofilia.

Rutin harian mereka selepas itu terus berubah kerana dihantui rasa takut sekiranya golongan pedofilia yang bernafsu terhadap kanak-kanak akan memburu anak mereka di alam nyata.

Saya percaya jika anak-anak ini boleh berfikir dan memahami seperti kita orang dewasa, mereka juga tidak mahu gambar mereka yang cuma berlampin dan terdedah ditunjuk-tunjuk kepada umum.

Suatu ketika dahulu, saya juga dihinggapi kegilaan memuat naik setiap perkara ke media sosial. Makan, minum, borak cerita peribadi dengan kawan yang jauh di perantauan semua pun hendak ditunjukkan di Facebook.

Kini, saya menyedari ketidaktamangan saya pada masa lalu. Saya secara tidak sengaja telah mendedahkan diri kepada bahaya al-'ain.

Sekarang saya sedar, tak semua benda perlu dicerita. Tidak setiap perkara perlu dikemas kini sentiasa. Buat baik tidak perlu diberitakan. Mengejar ilmu tidak harus berlumba-lumba minta dihormati. Merintih dosa, merayu doa, menagih cinta juga tidak perlu dipapar di media sosial.